

JAWAPAN KEPADA SAUDARA “ABDULLAH”



oleh **Al-Faqir Muhadir bin Haji Joll as-Sanariy**

Muqaddimah

Syukran jazilan kepada saudara “Abdullah” di atas respon beliau terhadap tulisan Al-Faqir tempoh hari. Respon beliau boleh dibaca di roskiman.com. Semoga Allah membalas kebaikan yang dibuat oleh pemilik blog ini atas usaha beliau menterjemah, menyusun dan memaparkan bahan-bahan ilmiah tulisan para ulama’ dan asatizah Ahlus Sunnah wal Jama’ah untuk dimanfaatkan oleh umum. Al-Faqir difahamkan bahawa saudara “Abdullah” berasal dari sebuah negeri di Malaysia Timur dan masih muda sekitar 20-an (mohon maaf jika tersalah orang). Mauqif Al-Faqir tetap sama, iaitu menghindari dari memberi komen terhadap tulisan orang lain. Walau bagaimanapun, atas permintaan saudara “Abdullah” sendiri dalam tulisannya: “Sekiranya tuan merasakan bahawa apa yang dituliskan dalam ulasan pertama itu ada kesilapan, tuan boleh membetulkannya dengan hujah yang tuan miliki.”, insyaAllah □ tulisan kali ini adalah atas tujuan tersebut dan berkisar pada tulisan dan persoalan yang beliau lontarkan sahaja.

Sebagai adab, dalam penulisan kali ini Al-Faqir akan menggunakan bahasa adik “Abdullah” untuk lebih memuliakannya sebagai orang yang lebih muda.

Kepada para Alim Ulama’ yang melihat apa-apa kesilapan dan kekhilafan dalam tulisan ini, diharapkan dapat membetulkannya, ...

Semoga Allah membuka jalan kepada hati yang ikhlas untuk memperoleh kebenaran dan mengurniakan ilham dan wijdan, Amin...

Muhadir bin Haji Joll as-Sanariy
Petaling Jaya, Selangor
16 Syawal 1433H/ 3 September 2012M
khuwaidim_elilm@hotmail.com

Klik [<DI SINI>](#) untuk rencana penuh (pdf format)